

Oleh Ainal Marhaton Abd Ghani
am@metro.com.my
Kuantan

Saya rindukan saat membeli-belah bersama ibu bapa selesa mereka meninggal dunia sejak beberapa tahun lalu.

"Tahun ini, saya hanya ditemani kakitangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk memilih pakaian seragam dan alat tulis kerana saya akan memasuki sekolah menengah tahun depan," kata Farah Riana Ashikin Ahmad Fauzi, 12.

Bekas murid Sekolah Kebangsaan Fakoh Abd Samad itu berkata, ibunya, Rosiah Kami meninggal dunia kerana kanser payudara, tiga tahun lalu.

"Ahay saya, Ahmad Fauzi Ahmad pula meninggal dunia kerana disyaki menghidap kanser hati, tahun lalu.

"Ketika arwah mak dan ayah masih ada, mereka membuat sedikit simpanan dan apabila hujung tahun, mereka bawa saya membeli-belah kelengkapan persekolahan."

"Semuanya kini tinggal kenangan," katanya yang terpilih antara 34 penerima bantuan persekolahan Program Kembali Ke Sekolah 2016 anjuran UMP di sini, semalam.

FAKTA
Peserta ditemani kakitangan UMP pilih pakaian seragam dan alat tulis

FAIRUZ Aliff (empat kanan) bersama penerima sumbangan barang kelengkapan sekolah sumbangan UMP Advanced Education dengan kerjasama Pusat Islam UMP dan Persatuan Matahari UMP di pasar raya Mydin.

Mereka menerima sumbangan RM200 untuk membeli barang keperluan sekolah seperti pakaian seragam dan alat tulis sumbangan anak syarikat UMP, UMP Advanced Education (UAE). Penerima dibawa memilih barang berkenaan di pasar raya Mydin, di sini, dengan bantuan kakitangan UMP. Program itu turut mendapat kerjasama Pusat Islam dan Persatuan Matahari universiti berkenaan.

Farah Rania yang juga anak bongsu daripada lima beradik berkata, dia tidak dapat melupakan kenangan

apabila ibu bapa menghantarnya setiap kali hari pertama persekolahan.

"Kakak sulung sudah berkahwin manakala dua lagi abang saya masing-masing menuntut di Politeknik dan Universiti Teknologi MARA. "Saya kini tinggal bersama abang, Mohd Ridhuan, 23, di Bukit Rangin. Nampak ga-

yanya selepas ini, hanya abang saya yang menemani saya mendaftar di sekolah menengah," katanya.

Dia yang mendapat keputusan 4A 1B dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah turut mengucapkan terima kasih kepada UMP yang menyediakan bantuan itu.



FARAH Riana Ashikin

"Sekurang-kurangnya ia dapat membantu meringankan beban kewangan abang yang mencari rezeki dengan menjual pisang goreng," katanya.

Sementara itu, Penolong Pegawai Pusat Islam UMP Fairuz Aliff Nor Hisham Iskandar berkata, program terbabit yang pertama dilaksanakan UMP selepas Program Jejak Asnaf, Ramadan lalu.

"Kita mengenal pasti keleluarga miskin dan berpendapatan rendah sekitar Pekan dan Kuantan dengan memperuntukkan sejumlah RM6,800 bagi program ini," katanya.

Hanya tinggal kenangan

■ Rindu saat beli-belah kelengkapan sekolah bersama ibu bapa

HARIAN METRO (SETEMPAT) 19 DEC 2015 M/S 50

FOTO: AINAL MARHATON ABD GHANI

